



**KENYATAAN AKHBAR  
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

**BERKENAAN:**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI:**

**PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN  
SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SEMBILAN TAHUN 2018 SIRI 3**

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA  
PENGAUDITAN PEMATUHAN AGENSI NEGERI SEMBILAN TAHUN 2019**

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat kerajaan. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang akan memperkenan supaya Laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi Laporan berkaitan dengan sesuatu negeri, ia hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja/Yang di-Pertua Negeri bagi negeri itu yang akan memperkenan Laporan itu untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.
2. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 Siri 3 dan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Agensi Negeri, Negeri Sembilan Tahun 2019, masing-masing telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada **14 Julai 2020** dan **5 November 2020**, setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya kedua-dua LKAN tersebut telah mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar

Negeri Sembilan untuk dibentangkan di Dewan Undangan, Negeri Negeri Sembilan pada **27 November 2020**.

3. LKAN Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 Siri 3 meliputi dua (2) aktiviti jabatan/agensi dan satu (1) pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan negeri. Laporan tersebut antara lain mengandungi perkara seperti berikut:

### **3.1. Projek Mengganti Jambatan di Jalan Negeri di bawah Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan**

3.1.1. Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa perancangan awal Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan untuk melaksanakan tiga (3) projek mengganti jambatan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019 tidak dapat dicapai.

3.1.2. Ini kerana hanya satu (1) projek dapat disiapkan sepenuhnya manakala dua (2) projek lagi masih dalam pelaksanaan setakat bulan Julai 2019. Bagaimanapun bagi projek yang telah siap dan digunakan, iaitu Jambatan di Jalan Sega – Kuala Sawah, objektif pelaksanaan projek telah tercapai dan memberi manfaat kepada penduduk setempat.

3.1.3. Pengurusan projek pula kurang cekap kerana terdapat kelemahan dalam aspek pencapaian kewangan, pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak dan kualiti pembinaan

### **3.2. Pengurusan Program Sukan Malaysia (SUKMA) di bawah Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan**

3.2.1. Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pengurusan Program SUKMA tidak dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan yang menyebabkan sasaran output dari aspek pencapaian pingat emas tidak tercapai dan *outcome* yang ditetapkan tidak dapat diukur.

3.2.2. Daripada aspek pengurusan program pula, pelaksanaannya adalah kurang cekap kerana terdapat kelemahan dalam aspek pemilihan atlet dan pelantikan serta penetapan elaun jurulatih yang tidak mengikut aturan ditetapkan.

3.2.3. Pengurusan bayaran tidak mengikut prosedur kewangan menyebabkan berlaku kes elaun jurulatih terlebih bayar, bayaran tidak disertakan dokumen sokongan lengkap dan pembayaran elaun atlet tidak mempunyai kawalan dalaman yang teratur dan selamat.

### **3.3. Pengurusan Syarikat bagi Syarikat MAINS Hotel Sdn. Bhd. (MHSB)**

3.3.1. Secara keseluruhannya, pengauditan mendapati amalan tadbir urus korporat MHSB adalah kurang memuaskan kerana struktur tadbir urus yang sedang diamalkan tidak selaras dengan amalan terbaik tadbir urus korporat. Kedudukan kewangan syarikat pula berada pada tahap kurang stabil walaupun mencatatkan keuntungan pada tahun 2018 kerana hasil penjualan aset.

3.3.2. Prestasi aktiviti penyewaan bilik penginapan dan jualan F&B secara keseluruhannya belum mencapai sasaran yang ditetapkan. Strategi pemasaran dan pengurusan maklum balas dan aduan pelanggan juga masih tidak memuaskan.

4. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Agensi Negeri, Negeri Sembilan Tahun 2019 antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

#### **4.1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2019**

##### **4.1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri**

Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

##### **4.1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- (a) Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan adalah kukuh. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2019 adalah berjumlah RM875.03 juta, meningkat sebanyak RM187.27 juta berbanding RM687.76 juta pada akhir tahun 2018.

- (b) Akaun Hasil Disatukan mencatat lebih sejumlah RM147.47 juta berbanding RM26.45 juta pada tahun 2018. Kutipan hasil pada tahun 2019 menunjukkan peningkatan sebanyak RM135.20 juta (32.1%) menjadi RM556.44 juta berbanding RM421.24 juta pada tahun 2018.

#### **4.2. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Sembilan**

4.2.1. Setakat 31 Ogos 2020, kesemua tujuh (7) Badan Berkanun Negeri dan lapan (8) Pihak Berkuasa Tempatan serta satu (1) Majlis Agama Islam telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 untuk diaudit. Dua (2) agensi telah mengemukakan penyata kewangan mengikut tempoh ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2020 manakala baki 14 agensi mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan. Pejabat Kewangan Negeri telah memberikan pelanjutan tempoh kepada agensi terlibat sehingga 31 Julai 2020.

4.2.2. Pada tarikh laporan disediakan, hanya dua (2) penyata kewangan BBN yang telah disahkan dan telah diberi Pendapat Tanpa Teguran, iaitu Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan. Baki 14 penyata kewangan agensi negeri yang lain masih dalam proses pengauditan.

#### **4.3. Pengauditan Pematuhan Agensi Negeri**

4.3.1. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap kementerian/jabatan/agensi negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (*key audit area*)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap Jabatan dan Agensi Negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam.

4.3.2. Pengauditan pematuhan agensi negeri dilaksanakan terhadap satu (1) perkara melibatkan satu (1) agensi seperti berikut:

(a) Tunggakan Hasil Sewaan Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan

Adalah didapati perjanjian ditandatangani oleh pegawai yang tidak diberi kuasa bagi 23 penyewa melibatkan tunggakan hutang sejumlah RM276,437. Selain itu, perjanjian sewaan tidak dimeterai bagi 17 penyewa melibatkan tunggakan hutang sejumlah RM425,193. Ketiadaan perjanjian yang sah menyebabkan syarat kontrak tidak dapat dikuatkuasakan. Keadaan ini seterusnya menyebabkan tunggakan hutang yang berjumlah RM425,193 tidak dapat dikutip.

4. Ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutupan (*Exit Conference*) juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara telah mengemukakan 13 syor audit dalam LKAN Aktiviti Dan Syarikat Tahun 2018 Siri 3 dan 10 syor audit dalam LKAN Penyata Kewangan Dan Pematuhan Tahun 2019.
5. Kedua-dua laporan ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> selepas pembentangan di Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan pada 27 November 2020 mulai jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara  
Malaysia

27 November 2020